

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HKT 121 – Teori dan Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA [2] soalan dari Bahagian A dan DUA [2] soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Huraikan kerangka teori sastera seperti yang dikemukakan oleh M.H. Abrams dan bincangkan sejauhmana kerangka ini telah digunakan oleh Muhammad Haji Salleh untuk mentakrif sastera Melayu.
2. Jelaskan maksud kritikan sastera konvensional dan fungsinya. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai bincangkan salah satu pendekatan yang terdapat di dalam kritikan sastera.
3. Bincangkan bagaimana teori linguistik moden mempengaruhi pembentukan pendekatan strukturalisme dan dekonstruksi. Seterusnya, jelaskan kedudukan makna di dalam karya sastera seperti yang difahami oleh pendekatan strukturalisme dan dekonstruksi.
4. Jelaskan pembinaan teori rasa-fenomenologi. Kemudian berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan proses pembentukan pengalaman estetik seperti yang dialami oleh pembaca apabila menikmati keindahan sebuah karya sastera.

BAHAGIAN B

5. Sejauhmanakah imej ibu tiri di dalam novel *Korban Fitnah* dapat diterima sebagai imej “wanita celaka” seperti yang terdapat dalam pendekatan tipa induk. Nilaikan secara kritis bagaimana imej tersebut dibina oleh pengarang.
6. Jelaskan kedudukan unsur sejarah dalam novel sejarah dan novel metafiksyen historiografik. Kemudian bincangkan teknik penulisan yang digunakan bagi memperlihatkan kedudukan unsur sejarah dalam karya metafiksyen historiografik yang telah anda kaji.
7. Huraikan maksud wacana kolonial dan pasca-kolonial di dalam Kesusasteraan Pasca-kolonial. Merujuk kepada novel *Putera Gunung Tahan*, bincangkan model kajian yang sesuai yang dapat digunakan untuk mencabar wacana kolonial itu.
8. Tindakan Sethe di dalam novel *Beloved* membunuh anaknya dapat dilihat sebagai pergolakan psikologi seorang wanita dalam mengharungi arus kezaliman sistem perhambaan di Amerika. Bincangkan.

- oooOOooo -